KEMENTERIAN TENAGA DAN SUMBER ASLI

KERATAN SURAT KHABAR

SURAT KHABAR	:	KOSMO			
TARIKH	:	19/1/2022 (RABU)	MUKA SURAT	:	14
JABATAN	:	JPN PERAK			

Kosmo 19.1.2022_14

Tular balak di Kuala Kangsar disiasat

IPOH – Kerajaan negeri akan menyiasat aktiviti pembalakan yang didakwa berlaku di Kledang Saiong, Kuala Kangsar seperti yang tular dalam media sosial sejak Selasa lalu.

Menteri Besar, Datuk Seri Saarani Mohamad berkata, Jabatan Perhutanan Perak akan meneliti sama ada gambar yang menunjukkan kayu balak disusun bersama lokasi kejadian berkenaan baharu atau lama.

"Jika benar berlaku kecurian hasil balak dan penebangan yang tidak mendapat kelulusan, tindakan tegas akan diambil mengikut peruntukan undang-undang," katanya.

Beliau ditemui pemberita selepas program Doa Selamat dan Santai Bersama Menteri Besar Perak di Dewan Azumu, Halaman Meru Impian, di sini semalam.

Terdahulu, tular di media sosial Facebook tiga keping gambar yang menunjukkan aktiviti pembalakan hutan simpan Kledang Saiong di Kuala Kangsar yang mendapat pelbagai reaksi netizen.

Gambar laluan pembalakan, kayu balak disusun dan papan tanda nama syarikat yang dimuat naik di salah sebuah laman di Facebook itu telah dikongsi lebih 700 pengguna setakat ini.

Sementara itu, Saarani berkata, pembangunan kawasan perindustrian Silver Valley Technology Park (SVTP) di sini akan disegerakan selepas urusan mahkamah berkaitan penerokaan tanah di kawasan tersebut oleh petani diselesaikan.

Menurutnya, ini ekoran kerajaan negeri menerima permintaan tinggi daripada pelabur-pelabur yang berminat untuk melabur di kawasan itu.

Beliau berkata, perkara tersebut tidak boleh ditangguh memandangkan kerajaan negeri memahami keperluan serta permintaan pelabur terlibat.

"SVTP adalah salah satu kawasan perindustrian yang dicadangkan kerajaan negeri untuk digunakan pelabur dan kita akan segerakan pembangunannya seperti dijadualkan," katanya.

Mengenai penerokaan tanah di tapak SVTP, Saarani menambah tindakan mahkamah masih lagi berjalan selepas rundingan sebelum ini tidak menampakkan jalan penyelesaian.



GAMBAR tular hutan yang ditarah didakwa di Hutan Simpan Kledang Saiong, Kuala Kangsar baru-baru ini.